

**FAKULTI SENIBINA, PERANCANGAN DAN UKUR**

**JABATAN UKUR BANGUNAN**

**PELUPUSAN SISA BUANGAN INDUSTRI DAN KESAN**

**KEPADA PERSEKITARAN**

**Satu disertasi yang disediakan sebagai memenuhi sebahagian**

**dari syarat untuk penganugerahan**

**Ijazah Sarjana Muda Ukur Bangunan (Kepujian)**

**DISEDIAKAN OLEH : HASSAN BIN SURAY**

**SESSI : 2000/2002**

## **PENGHARGAAN**

Syukur kepada Allah kerana dengan limpah dengan izinnya dapat saya menyiapkan dessertasi ini walaupun menghadapi kesukaran dan masalah.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Puan Suriani Binti Ngah Abdul Wahab selaku penyelia yang telah banyak memberi nasihat dan teguran untuk memberikan kajian ini sebagai yang terbaik.

Penghargaan yang sangat istimewa buat ayah dan bonda serta ahli keluarga diatas asuhan dan dorongan yang tinggi buat anakanda yang berjuang untuk agama, bangsa dan negara.

Buat insan yang disayangi oleh Allah, ucapan terima kasih yang tidak terhingga kerana membantu kerja – kerja dan memberi teguran yang membina terhadap kajian ini.

Penghargaan khas kepada mereka yang terlibat dalam memberikan maklumat dan kelapangan masa terutamanya kepada Puan Monoliza Md.

## ABSTRAK

Manusia merupakan makhluk yang dicipta oleh Tuhan dengan pelbagai ciri menarik dan unik serta mempunyai pelbagai akal untuk mengubah, mencantumkan dan berimajinasi tentang perkara – perkara yang boleh berlaku pada masa hadapan. Berhubung dengan perkara tersebut semenjak manusia mencapai tamadun purba sehingga ke tamadun yang moden manusia tidak henti – henti berusaha mencari jalan untuk menikmati kesenangan. Bermula daripada mencipta sesuatu sehingga menjadikan barang yang mendapat permintaan di pasaran mereka mula merasakan ketidakmampuan untuk mengurus menggunakan teknologi lama sahaja. Maka bermula revolusi perindustrian yang bermula di Eropah yang mencetus satu era baru pada dunia.

Revolusi tersebut tidak berhenti begitu sahaja sejak ia bermula. Lama – kelamaan ciptaan yang berguna muncul dan ia dapat menjimatkan masa, tenaga dan pengeluaran dalam jumlah yang lebih besar terhadap sesuatu produk. Perubahan ini mencetuskan satu keadaan yang amat drastik kerana era penggunaan tenaga manusia semakin mengecil. Kawasan – kawasan industri mula muncul untuk menampung permintaan yang semakin banyak.

Pada awal proses pembinaan sesebuah industri sistem rawatan terhadap pelupusan sisa masih tidak mendapat perhatian yang meluas. Sehingga pada

suatu ketika manusia mula berfikir bagaimanakah alam ini terjadi jika pelupusan ini tidak dikawal dan bagaimakah manusia, haiwan dan tumbuh – tumbuhan akan hidup jika alam telah di cemari.

Berdasarkan masalah ini Pertubuhan Bangsa – Bangsa Bersatu melalui WWF mula mengorak langkah dengan berkempen untuk pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar. Malaysia tidak terkecuali daripada menerima arus perubahan tersebut walaupun perindustrian bermula lewat iaitu sekitar tahun 1980 – an. Akta Kualiti Alam Sekeliling mula terpakai pada 1974 dan Jabatan Alam Sekitar mula di tubuh untuk mengawasi industri di dalam negara.

Semua industri pada etikanya harus mempunyai sistem rawatan yang sempurna untuk merawat sisa buangan mereka. Namun apa yang berlaku kebanyakannya tidak dapat menyediakan loji tersebut dan sisa buangan yang tidak dirawat dilepaskan begitu sahaja di daratan mahupun di sungai yang berhampiran. Inisiatif daripada pemilik kilang langsung tidak menunjukkan tanda – tanda positif bahawa mereka memandang berat terhadap pencemaran alam sekitar.

Pendekatan yang baru harus diambil dengan segera dan penyelesaian harus dicari supaya generasi akan datang dapat melihat atau sekadar mengetahui sebagai sejarah yang agung dahulukala.

**ISI KANDUNGAN****MUKASURAT**

Penghargaan	I
Abstrak	II – III
Isi Kandungan	V – X
Senarai Rajah	XI – XII
Senarai Jadual	XIII
Senarai Keratan Akhbar	XIV
Kependekkan	XV

**BAB 1      PENDAHULUAN**

1.1	Pengenalan	1 - 3
1.2	Penyataan Masalah	3 - 4
1.3	Objektif Kajian	5
1.4	Skop Kajian	5 - 6
1.5	Methodologi Kajian	6 - 7